

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Khamis, 26 Jun 2025



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

KENYATAAN MEDIA BAGI STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI MEI 2025

JUMLAH PERDAGANGAN BAGI TUJUH NEGERI MEREKODKAN PERKEMBANGAN POSITIF BERNILAI RM159.4 BILION PADA BULAN MEI 2025

PUTRAJAYA, 26 JUN 2025 – Malaysia mencatatkan jumlah perdagangan bernilai RM252.5 bilion pada Mei 2025 dengan eksport dan import masing-masing bernilai RM126.6 bilion dan RM125.9 bilion, seperti yang dilaporkan hari ini dalam **STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI MEI 2025**.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata prestasi eksport bernilai RM126.6 bilion pada Mei 2025, menurun sebanyak RM1.4 bilion (-1.1%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Penurunan eksport dipengaruhi oleh eksport yang lebih rendah di kebanyakan negeri iaitu Johor (-RM5.3 bilion), Kedah (-RM1.7 bilion), Sarawak (-RM1.6 bilion), W.P. Kuala Lumpur (-RM1.0 bilion), Terengganu (-RM902.5 juta), Negeri Sembilan (-RM322.4 juta), Pahang (-RM285.2 juta), Sabah (-RM160.9 juta) dan Perak (-RM153.6 juta). Walau bagaimanapun, nilai eksport meningkat di Pulau Pinang sebanyak RM8.8 bilion, Selangor (+RM530.2 juta), Melaka (+RM393.4 juta), W.P. Labuan (+RM101.1 juta), Kelantan (+RM10.3 juta) dan Perlis (+RM1.5 juta).

Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama dengan sumbangan 36.2 peratus, diikuti oleh Johor (19.4%), Selangor (18.8%), Sarawak (5.9%) dan W.P. Kuala Lumpur (3.6%).

Beralih kepada prestasi import mengikut negeri, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin memaklumkan import pada bulan Mei 2025 meningkat RM7.8 bilion (+6.6%) berbanding bulan yang sama pada tahun 2024. Peningkatan import disebabkan oleh import yang lebih tinggi di Selangor (+RM6.8 bilion), Pulau Pinang (+RM5.4 bilion), W.P. Kuala Lumpur (+RM2.4 bilion), Perak (RM191.4 juta), Perlis (+RM40.7 juta) dan Kelantan (+RM17.7 juta). Walau bagaimanapun, nilai import menurun di Johor sebanyak RM2.3 bilion, Negeri Sembilan (-RM1.6 bilion), Melaka (-RM1.3 bilion), Kedah (-RM870.8 juta), Pahang (-RM712.9 juta), Terengganu (-RM251.8 juta), Sarawak (-RM211.0 juta), Sabah (-RM96.4 juta) dan W.P. Labuan (-RM48.6 juta).

Selangor mendominasi import Malaysia dengan sumbangan 29.2 peratus, diikuti oleh Pulau Pinang (23.0%), Johor (20.5%), W.P. Kuala Lumpur (9.2%) dan Kedah (4.4%).


Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch (ODW)*, mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

**Carta 1: Eksport dan Import bagi negeri Johor, Pulau Pinang dan Selangor,
Mei 2024 – Mei 2025 (RM Bilion)**



Paparan 1: Infografik Statistik Eksport Import Mengikut Negeri, Mei 2025



STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI, MEI 2025



▲ ▼ Semua perubahan berdasarkan perbandingan tahun-ke-tahun

Petunjuk: ■ Eksport ■ Import

5 NEGERI PENGEKSORT UTAMA



Lima negeri menguasai eksport negara dengan menyumbang **84.0** peratus

Nota:

- Aktiviti eksport dan import yang berlaku di kawasan Supra (merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri) atau pengiklanan yang dilakukan oleh ejen penghantar tidak termasuk dalam infografik ini.
- Nilai eksport atau import bagi W.P. Kuala Lumpur adalah termasuk W.P. Putrajaya.

Sumber: Statistik Eksport Import Mengikut Negeri Mei 2025, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
26 JUN 2025**